

## PENGHAYATAN AGAMA SEBAGAI PENGANTARA ANTARA HUBUNGAN KECEMERLANGAN HAFAZAN DAN SAHSIAH PELAJAR TAHFIZ

*(Religiosity as mediator between relationship of Memorization Excellence and  
Personality of Tahfiz Students)*

<sup>1,2</sup> SHARIFAH NOORHIDAYAH SYED AZIZ\*

<sup>1,3</sup> KHAIRUL ANWAR MASTOR

<sup>3</sup> HASNAN KASAN

<sup>1</sup> Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor,  
Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam Malaysia, Kolej Universiti Islam Antarabangsa  
Selangor (KUIS), 43600 Selangor, Malaysia

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi  
Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

Peningkatan kemasukan pelajar ke dalam bidang pendidikan tahfiz menunjukkan bahawa masyarakat meyakini bidang ini sebagai salah satu medium pembentukan sahsiah. Namun, berlaku masalah sahsiah dalam kalangan pelajar tahfiz yang belum dikaji secara empirikal. Berdasarkan sorotan kajian, faktor kecemerlangan hafazan menjadi satu kayu ukur dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Namun, faktor penghayatan agama merupakan salah satu faktor penting yang perlu difokuskan dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis penghayatan agama sebagai pengantara antara kecemerlangan hafazan dan pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Reka bentuk kajian tinjauan digunakan dengan pengumpulan data melalui soal selidik yang dibina hasil dari Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD). Seterusnya soal-selidik yang diedarkan kepada 905 orang pelajar tahfiz yang di maahad tahfiz di bawah Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Negeri Selangor

---

\*Corresponding author: Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi Selangor, Malaysia, e-mel: p96819@siswa.ukm.edu.my.

Diserahkan: 1 Julai 2022

Diterima: 20 Ogos 2022

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2022-1402-02>

(PITAS). Analisis EFA (*Exploratory Factor Analysis*) dan CFA (*Confirmatory Factor Analysis*) yang dijalankan mengesahkan bahawa terdapat dua sub-faktor penghayatan agama iaitu (i) makruf (ii) mungkar dan dua sub-faktor sahsiah iaitu (i) mahmudah (ii) mazmumah. Analisis *Structural Equation Modelling* SEM-AMOS digunakan dalam kajian bagi menguji hipotesis kajian. Analisis SEM menunjukkan model penghayatan agama sebagai pengantara dengan kecemerlangan hafazan dan sahsiah mencapai nilai kesepadanan yang baik iaitu (RMSEA=0.05, GFI=0.97, CFI=0.97 dan Chisq/df =3.39). Oleh itu, kajian mendapati penghayatan agama dianalisis sebagai pengantara separa dengan hubungan antara kecemerlangan hafazan dan sahsiah. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati penghayatan agama memberi pengaruh positif dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Faktor penghayatan agama ini perlu diberi penekanan bagi meningkatkan kualiti sahsiah pelajar tahfiz seperti yang diharapkan oleh masyarakat.

**Kata kunci:** Penghayatan agama; Kecemerlangan Hafazan; Sahsia; Pelajar Tahfiz

#### **ABSTRACT**

*The increase of student enrollment in the field of tahfiz education shows that the community believes in this field as one of the mediums of personality development. However, there are personality problems among tahfiz students that have not been studied empirically. Based on the literature review, the factor of memorization excellence becomes a determinant in the personality development of tahfiz students. However, religiosity is one of the most important factors that need to be focused on in the personality development of tahfiz students. Thus, this study aims to analyze religiosity as a mediator between memorization excellence and personality development of tahfiz students. The survey method was used with data collection via a questionnaire constructed from Focus Group Discussion (FGD). Next, the questionnaire was distributed to 905 tahfiz students in the tahfiz maahad under the Persatuan Institut Tahfiz Negeri Selangor (PITAS). The analysis of Exploratory Factor Analysis (EFA) and Confirmatory Factor Analysis (CFA) conducted confirmed that there are two sub-factors of religiosity, namely (i) makruf (ii) munkar and two personality sub-factors, namely (i) mahmudah (ii) mazmumah. SEM-AMOS Structural Equation Modeling Analysis was used to test the study hypotheses. SEM analysis showed that the model of religiosity as a mediator with memorization excellence and personality achieved good matching values (RMSEA = 0.05, GFI = 0.97, CFI = 0.97 and Chisq/df = 3.39). Therefore, the study found that religiosity was analyzed as a partial mediator in the relationship between memorization excellence and personality. Overall, this*

*study found that religiosity positively influences the personality development of tahfiz students. This religiosity factor needs to be emphasized to improve the personality quality of tahfiz students as expected by the community.*

**Keywords:** *Religiosity; Memorization Excellence; Personality Development; Tahfiz Students*

## PENGENALAN

Pembentukan sahsiah adalah suatu proses pembentukan kualiti tingkah laku seseorang insan (Khairul Nizar 2012) yang perlu diberi perhatian (Hasbullah et al. 2020; Asmawati Suhid 2007). Ia menjadi salah satu penanda aras sama ada seseorang insan itu mencapai tahap kualiti tingkah laku yang cemerlang atau sebaliknya. Pembentukan sahsiah sangat penting untuk diberi keutamaan kerana ia melibatkan kemajuan dalam bidang pendidikan (Zakaria Stapa et al. 2012; Safura et al. 2019).

Lima tahun kebelakangan ini, bidang pendidikan tahfiz semakin menjadi tumpuan masyarakat (Nordin Ahmad 2015). Peningkatan kemasukan pelajar-pelajar ke maahad tahfiz begitu memberangsangkan. Namun, berdasarkan sorotan kajian lepas didapati masih berlaku masalah berkaitan sahsiah yang melibatkan pelajar tahfiz seperti kes buli, merokok dan vandalisme yang telah berlaku di maahad-maahad tahfiz (Nor Kamariah 2013; Sinar Harian 2019). Isu ini berlarutan dan menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak kerana ia menyentuh aspek sahsiah diri yang negatif dalam kalangan pelajar tahfiz (Sinar Harian 2020). Malangnya, kebanyakan perkara sebegini hanya terdapat di dada akhbar, tetapi masih kurang kajian secara empirikal dijalankan dan sewajarnya diberi perhatian serius.

Hasil temu bual awal yang dijalankan ke atas pelajar tahfiz di bawah naungan PITAS (2018) mendapati terdapat masalah berkaitan sahsiah yang berlaku dalam kalangan pelajar tahfiz. Ironinya, pelajar tahfiz juga tidak terlepas dari melakukan salah laku negatif meskipun mereka telah didedahkan dengan amalan kerohanian di maahad tahfiz (Nor Kamariah 2013). Dalam lingkungan usia sebegini mereka sentiasa terdedah kepada pelbagai cabaran salah laku yang berkaitan dengan sahsiah (Fakhrul Adabi Abdul Kadir et al. 2013). Fariza et al. (2013) menjelaskan bahawa dalam tempoh usia remaja sebegini, mereka sedang melalui fasa perubahan tingkah laku dan mudah terdedah kepada salah laku seperti merokok, buli dan vandalisme (Kementerian Kesihatan Malaysia 2021).

Oleh itu timbul persoalan apakah punca pelajar-pelajar tahfiz masih melakukan salah laku negatif sedangkan mereka telah dilatih dan disibukkan dengan hafazan al-Quran dan amalan kerohanian? Hakikatnya, menghafaz al-Quran dan melaksanakan amalan kerohanian tanpa penghayatan masih belum cukup untuk memastikan mereka memiliki sahsiah mulia. Penghayatan agama merupakan satu indikator penting dalam menghasilkan pelajar tahfiz yang berkualiti dan bersahsiah mulia. Harapan melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti dari sudut sahsiah tidak mungkin akan tercapai jika pelajar tahfiz mempunyai penghayatan agama yang rendah (Atikah Osman & Siti Aishah Yahya 2018).

Dalam usaha melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti dari aspek hafazan dan sahsiah, didapati bahawa kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama merupakan elemen-elemen penting yang perlu dititikberatkan dan diberi perhatian yang serius. Namun, hasil sorotan kajian lepas didapati, kajian empirikal yang menghubungkan elemen minat penghayatan agama masih kurang dikaji dengan lebih mendalam. Faktor ini perlu dijalankan bagi meneliti hubungkait antara elemen-elemen tersebut dalam menghasilkan sahsiah pelajar tahfiz yang berkualiti.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz**

Pelajar tahfiz merupakan aset negara dan generasi yang bakal menjadi pewaris kepimpinan negara dan agama (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Kualiti seorang pelajar tahfiz bukan setakat dinilai pada kecemerlangan akademik dan hafazan, malah kecemerlangan sahsiah juga perlu diberi perhatian (Abdul Hafiz Abdullah et al. 2005). Sungguhpun begitu, pendidikan agama di peringkat sekolah lebih memfokuskan untuk menghabiskan sukatan pelajaran sehingga pembelajaran dilakukan dengan pantas tanpa penghayatan nilai (Nur Hanisah 2021). Dalam konteks pendidikan tahfiz, pelajar tahfiz yang cemerlang sahsiah itu diukur berdasarkan tingkah laku baik yang dilakukan oleh pelajar tahfiz (Abdul Hafiz & NorHanan 2010). Awang Nazarudin et al. (2017) juga mendapati bahawa keseimbangan diri pelajar yang merujuk kepada kombinasi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah hanya akan dapat dicapai apabila pelajar menghayati dan memahami setiap amalan kerohanian yang mereka amalkan.

Namun, tidak dinafikan berlaku masalah berkaitan sahsiah dalam kalangan pelajar tahfiz (Nor Kamariah 2013). Hal ini kerana pelajar tahfiz juga sedang menempuh alam remaja yang melalui perubahan tingkah laku. Remaja dalam fasa mencari identiti mengikut acuan dan pengaruh rakan sebaya. Fasa pembentukan agama dalam diri

mereka adalah untuk mengawal diri daripada perkara negatif, melakukan perkara positif, mencegah kemungkaran, dan menjaga hubungan baik sesama manusia. Dalam membentuk sahsiah yang mulia, mereka memerlukan bimbingan yang mantap dan berterusan oleh pelbagai pihak terutama ibu bapa dan guru-guru bagi memastikan potensi diri mereka dapat digilap dan dimanfaatkan untuk negara dan ummah (Siti Fatimah 2018; Nur Hanisah 2021). Remaja perlu dibimbing dengan pengetahuan agama terutama dari aspek akidah dan ibadah agar mereka jelas tentang tujuan utama hidup sebagai khalifah di muka bumi ini. Hal ini kerana pendidikan agama bermula dengan pembentukan akidah dan tauhid dalam diri (Nurul Badriyah 2017; Siti Fatimah 2018).

Dalam membentuk sahsiah pelajar tahfiz, pelbagai aspek perlu diambilkira iaitu meliputi aspek pemantapan iman, kecerdasan intelektual dan psikologikal, serta kemahiran sosial dan interpersonal (Anisa Saleha 2015). Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Proses pembentukan sahsiah pelajar tahfiz adalah untuk membina keperibadian diri yang mantap selari dengan tuntutan agama iaitu dari segi akidah, ibadah dan akhlak (al-Ghazali 2003). Pembentukan sahsiah pelajar tahfiz bermula dari proses didikan daripada institusi kekeluargaan, pendidikan secara formal dan persekitaran yang dilalui (Hasbullah Mat Daud et al. 2020).

Berdasarkan kajian terdahulu mendapati bahawa pelajar mudah terdedah kepada perkara yang negatif. Antara faktor yang mempengaruhi kepincangan sahsiah dalam kalangan pelajar ialah kurang pendidikan agama, sikap malas dan tidak minat belajar, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan kurangnya komunikasi yang baik dengan ibu dan bapa (Nur Hanisah 2021; Hasbullah Mat Daud et al. 2020; Ismail & Mansor 2021; Khairun Nizar 2012; Buerah et al. 2015; Mohd Nuri 2017).

Dalam kajian Khairun Nizar (2012) mendapati bahawa faktor ibu bapa adalah faktor tertinggi berbanding faktor media massa, rakan sebaya pendidikan agama. Dapatan ini disokong oleh Ismail dan Mansor (2021) yang menyatakan bahawa komunikasi ibu terhadap anak-anak merupakan titik permulaan dalam pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Ibu adalah insan pertama yang bertanggungjawab dalam komunikasi dengan anak-anak. Namun, komunikasi antara ibu dan anak dilihat semakin berkurangan disebabkan kekangan ibu yang bekerja dan kurang penglibatan antara ibu dan anak-anak. Begitu juga dalam kajian Annasaii Jamar et al. (2020) yang bersetuju bahawa ibu merupakan tunjang utama dalam pembentukan awal sahsiah anak-anak yang banyak memberi pengaruh terhadap pembentukan tingkah laku anak-anak dari sudut sikap, pergaulan dan personaliti mereka.

Selain itu, faktor kurang pendidikan agama juga didapati menjadi punca masalah berkaitan sahsiah dalam kalangan pelajar (Hasbullah Mat Daud et al. 2020). Pendidikan agama perlu diterapkan bermula dari dalam diri setiap pelajar. Pelajar perlu ditanamkan sifat kesedaran dan penghayatan agama agar segala percakapan dan tingkah laku tidak tersasar dari landasan agama (Saharia 2015). Oleh itu, langkah pertama dalam pembentukan sahsiah pelajar adalah dengan mendidik untuk mengenal diri dan tuhan, memahami tujuan hidup, membina kepercayaan berlandaskan akidah (Qutb 2000), membentuk perancangan hidup yang lebih komprehensif, dan memperbetulkan pemahaman dan pemikiran yang tidak benar (Nur Shahidah et al. 2015).

Justeru, kepentingan, amalan dan pelaksanaan solat adalah perkara utama yang perlu dididik dalam setiap diri pelajar dalam membentuk sahsiah pelajar tahfiz. Berdasarkan hasil dapatan dalam kajian Marzuki et al. (2019) dan Mohd Khusyairie et al. (2018), amalan solat fardu mampu memberi impak kepada sahsiah mulia dan mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar melalui beberapa proses seperti seruan azan, kewajipan berwuduk, perlakuan amali solat, pergerakan rukuk dan sujud, rukun tertib dan *tama'ninah*, pembacaan rukun *qawli*, berzikir, penjagaan waktu solat, kewajipan menutup aurat, dan berpakaian (Suhaimi et al. 2019). Kajian Zainudin dan Norazmah (2011) turut menyokong bahawa kepincangan sahsiah dalam diri pelajar adalah disebabkan kurangnya amalan kerohanian seperti menunaikan solat.

### **Konsep Penghayatan Agama dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz**

Penghayatan agama merupakan faktor utama dalam pembentukan sahsiah. Nilai-nilai akhlak yang baik memberi impak positif terhadap tingkah laku individu dan masyarakat. Hubungan akhlak serta adab dan agama Islam mempunyai kaitan yang rapat dalam proses pendidikan untuk mengubah tabiat manusia yang menjadikan tingkah laku manusia berteraskan kesepaduan iman dan amal dalam menerapkan akhlak-akhlak mulia (al-Na'imi 1994).

Berdasarkan semakan kajian lepas ini, dapat dirumuskan bahawa penghayatan agama terbahagi kepada tiga aspek iaitu pengetahuan akidah, ibadah, dan akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz. Namun, dalam kajian ini hanya menumpukan kepada dua aspek iaitu ibadah dan akhlak. Penghayatan agama pelajar dapat ditingkatkan melalui amalan ibadah dan seterusnya dizahirkan dalam bentuk tingkah laku (akhlak).

Ibadah merupakan kemuncak daripada rasa ketundukan dan kepatuhan serta merasakan kebesaran Allah SWT sebagai tumpuan pengabdian diri (Fathi Yakan 2013). Amalan ibadah bukan sahaja berperanan dalam meningkatkan keimanan sahaja, malah membantu mengatasi masalah berkaitan dengan kerohanian. Amalan-amalan ibadah

yang diperintahkan adalah bertujuan untuk menjernihkan rohani, mendidik jiwa, menguatkan jasmani, dan mencerdaskan akal. Ia juga mampu mewujudkan hubungan yang berterusan antara manusia dan tuhan penciptanya sepanjang masa (al-Qardawi 1975; Mohd Sabri et al. 2009). Kajian Ruzieha Abd Halim (2017) yang mendapati bahawa penghayatan nilai ibadah dan akhlak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pembentukan sahsiah.

Menurut al-Ghazali (2000) dalam konteks ibadah, pembentukan sahsiah bukan hanya terikat dengan amalan kerohanian dan kepatuhan kepada perintah Allah SWT sahaja, malah aspek meninggalkan segala larangan Allah juga perlu diberi penumpuan. Allah SWT menyatakan dalam firman Allah dalam surah al-Mu'minun 23: 1-11 yang bermaksud:

Barangsiapa yang khusyuk dalam solat, menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, berusaha membersihkan harta dengan menunaikan zakat harta, menjaga kehormatan diri, menjaga amanah serta memelihara waktu dan kualiti solat, mereka dijanjikan syurga oleh Allah SWT.

Kajian Salasiah Hanin (2018) menyatakan dalam kajiannya, antara langkah membentuk sahsiah adalah dengan memantapkan keimanan menerusi peningkatan ibadah dan mengaplikasikan akhlak mahmudah dalam kehidupan. Ibadah boleh dipertingkatkan dengan amalan solat, puasa, tilawah al-Quran, berzikir, berdoa dan qiamulail. Amalan ibadah yang dilakukan ini secara tidak langsung menghubungkan ikatan seorang hamba dan penciptanya (al-Ghazali 2000). Mohd Hefzan dan Muhammad Nubli (2020) dan Mohd Sabri et al. (2009) pula mendapati amalan-amalan ibadah seperti zikir doa, membaca al-Quran dan solat juga mampu meningkatkan motivasi sendiri.

Kajian Noor Hafizah et al. (2019) juga mendapati elemen-elemen kerohanian yang diterapkan melalui program kerohanian seperti puasa, wirid, ratib, amalan membaca al-Quran, dan solat dan program ini membantu dalam membentuk sahsiah. Selain itu, Siti Aisyah Kamarudin & Latifah Abd Majid (2017) mendapati pelbagai program yang telah disusun seperti solat berjemaah, solat-solat sunat, berzikir selepas solat, membaca al-Quran. Program-program seperti ceramah, forum atau diskusi juga boleh diadakan secara berkala untuk memberi peringatan dan kesedaran kepada peserta.

Secara umum, dapatan kajian Hasna Bidin (2015); Nurfaridah (2016); Zainora Daud et al. (2016) mendapati tahap pengetahuan dan penghayatan yang berkaitan ibadah berada pada tahap yang tinggi namun kurang pada pengamalan dan pengaplikasiannya. Oleh itu, penghayatan dan pelaksanaan ibadah memerlukan sokongan dan penglibatan daripada guru-guru dan ibu bapa. Penglibatan tersebut adalah untuk menggalakkan

pelajar konsisten melakukan ibadah dan membuatkan pelajar rasa disayangi dan diberi perhatian. Pada awalnya, kemungkinan ibadah yang dilakukan adalah secara terpaksa, namun apabila pelajar mempunyai penghayatan yang tinggi dan sering dilakukan, ibadah tersebut telah menjadi sehati dalam diri pelajar (Salasiah Hanim 2018).

Menurut al-Ghazali (2000), pelaksanaan ibadah solat perlu dilakukan dengan berkualiti untuk mendapat ketenangan dan membersihkan hati. Ibadah yang berkualiti menurut al-Ghazali (2000) adalah perlu melengkapinya dengan ciri-ciri iaitu penumpuan (*al-himmah*), pemahaman (*al-tafahum*), pengagungan (*al-ta'zim*), kehebatan (*al-haybah*), pengharapan (*al-rajah*), dan malu (*al-haya*).

Seterusnya amalan ibadah puasa pula dapat melatih jiwa dan menjauhkan diri dari melakukan maksiat mata, lidah, telinga seperti mengumpat, mencaci, memaki, menipu dan sebagainya (al-Ghazali 2000). Ibadah puasa yang diamalkan juga dapat memberi laluan untuk lebih *taqarrub* (mendekati) Allah. Selain itu, ibadah membaca al-Quran dapat memberi ketenangan dan merungkai kesukaran. Memperbanyakkan zikir dan membaca al-Quran juga antara amalan ibadah yang dianjurkan. Membaca al-Quran dengan menjaga tajwid, memahami, menghayati, mengambil pengajaran dan mengaplikasikan dalam kehidupan (al-Ghazali 2000). Begitu juga berzikir dengan mengetahui kelebihan zikir. Zikir dapat memberi ketenangan jiwa dari segala kekusutan yang dialami dan menguatkan spiritual seseorang.

Dalam konteks pelajar tahfiz, Azmil Hashim (2014) dalam kajiannya mendapati bahawa aspek adab perlu dimurnikan dan diperkukuhkan serta dijadikan amalan seharian oleh pelajar. Adab-adab ini perlu dilakukan secara konsisten dan diamalkan dalam pendidikan tahfiz. Dalam usaha membentuk sahsiah pelajar tahfiz, adab-adab yang perlu diamalkan adalah sentiasa memelihara wuduk, membaca doa, menjauhi perkara yang makruh dan syubhah, menjaga pengambilan pemakanan yang halal dan berkhasiat, bersabar, menjaga solat berjemaah, menghormati guru dan memperbanyakkan amalan sunat. Amalan-amalan ini perlu dijadikan amalan seharian dalam pendidikan tahfiz al-Quran. Dapatan kajian Azmil Hashim (2014) juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar.

Kajian Zainora Daud et al. (2016) mendapati guru memainkan peranan penting dari masa ke masa untuk mendidik pelajar tahfiz agar memiliki sahsiah yang baik. Penekanan aspek akhlak sangat dititikberatkan di setiap maahad tahfiz al-Quran. Pelajar sentiasa dididik dan dibimbing agar memiliki akhlak yang baik. Kajian ini mendapati,



walaupun pengetahuan tentang ibadah berada pada tahap yang baik tetapi masih terdapat segelintir huffaz yang terlibat dengan amalan-amalan yang tidak sewajarnya iaitu seramai 12.5% terpaksa solat fardhu, 3.75% tidak solat awal waktu, 7.5% tidak segera ke masjid untuk solat berjemaah, 19.5% tidak suka bangun tahajud, 6.25% tidak suka berpuasa sunat, 21.25% tidak murajaah ayat-ayat hafazan selepas waktu solat dan 11.25% tidak percaya amalan zikir boleh menenangkan jiwa. Berdasarkan hasil dapatan ini, walaupun hanya segelintir pelajar yang kurang penghayatan terhadap amalan ibadah, namun ia membawa kepada satu kerisauan dalam bidang pendidikan tahfiz. Pelajar tahfiz seharusnya menjadi contoh kepada generasi remaja lain, mereka juga merupakan harapan keluarga, bangsa dan negara. Oleh itu, aspek pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar tahfiz sangat perlu diberi perhatian.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Reka bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan penyelidikan kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*survey design*). Kajian ini dijalankan ke atas pelajar-pelajar aliran tahfiz yang berumur antara 13 tahun dan ke atas yang sudah setahun atau lebih berada di maahad tahfiz di bawah naungan PITAS seluruh negeri Selangor. Kriteria utama pemilihan sampel kajian adalah pelajar tahfiz telah memulakan fasa menghafaz al-Quran sekurang-kurangnya satu tahun. Di samping itu, tahap umur pelajar juga diambil kira di mana sekurang-kurangnya pelajar berumur 13 tahun adalah dianggap sudah mencapai tahap kematangan untuk menilai diri sama ada menjadi baik atau sebaliknya (MyHealth 2021; Anuar 2001). Kajian yang dijalankan ini menggunakan perisian AMOS melalui *Structural Equation Modelling* (SEM) bagi tujuan analisis data.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah Soal Selidik dan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD). Temu bual Kumpulan Berfokus digunakan dalam peringkat awal kajian ini bagi membina item-item dalam soal selidik.

### **Temu Bual Kumpulan Berfokus (FGD)**

Teknik Perbincangan kumpulan berfokus ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang segar (*fresh*) (Merriam 2009) daripada peserta kajian tentang latar belakang pelajar tahfiz, maklumat berkaitan kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama dalam pembentukan sahsiah.

### **Soal selidik**

Soal selidik digunakan dengan meluas dalam penyelidikan kerana dapat ditadbir dalam pelbagai situasi bagi memungut maklumat berkenaan pembolehubah-pembolehubah di dalam kajian (Lim 2009). Terdapat pelbagai cara untuk mendapatkan soal selidik, (i) cari dan ubahsuai soal selidik yang sedia ada, (ii) tadbir soal selidik yang dibina oleh penyelidik (Creswell 2013, Fraenkael et al 2012). Dalam kajian ini, soal selidik dibina dari maklum balas yang diberi oleh pelajar tahfiz semasa perbincangan kumpulan berfokus.

Analisis faktor penerokaan (EFA) pula dijalankan untuk melihat bagaimana item-item yang digunakan dikelaskan mengikut struktur faktor-faktor tertentu (Hair et al. 2010). Analisis faktor penerokaan (EFA) dilakukan terhadap item-item dalam kajian. Analisis faktor penerokaan (EFA) dijalankan untuk menguji kesahan dan ketekalan soal selidik. Dalam kajian ini, ujian dilakukan untuk menentukan sama ada item dalam soal selidik mewakili minat menghafaz, kecemerlangan hafazan, penghayatan agama dan pembentukan sahsiah yang terlibat.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Demografi Responden**

Dalam kajian ini, pengumpulan data melalui soal selidik pada awalnya telah diedarkan kepada 1057 orang responden iaitu pelajar tahfiz. Namun begitu, setelah semakan dibuat 152 (14.38%) borang soal selidik tidak dijawab dengan lengkap dan digugurkan daripada kajian ini. Oleh itu, sejumlah 905 (83.62%) borang soal selidik telah diterima pakai mewakili populasi pelajar tahfiz setelah melalui prosedur penelitian data.

Dari 905 orang pelajar tahfiz, seramai 645 (71.3%) adalah pelajar tahfiz lelaki, manakala 260 (28.7%) orang pelajar tahfiz perempuan. Bagi kategori umur pula, responden dalam kajian ini adalah terdiri dari pelajar tahfiz yang berumur 13-15 tahun iaitu seramai 356 orang (39.3%), berumur 16-17 tahun seramai 423 orang (46.7%), berumur 18-21 tahun seramai 126 orang (13.9%). Ini menunjukkan majoriti pelajar tahfiz yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar tahfiz lelaki dan berumur 16-17 tahun. Dari segi bangsa pula, semua sampel dalam kajian ini adalah beragama Islam yang terdiri dari 881(97.3%), orang berbangsa Melayu seramai 2 orang berbangsa Cina (0.22%), dan lain-lain seramai 22 orang (2.43%). Oleh itu, majoriti pelajar tahfiz dalam kajian adalah berbangsa Melayu.

Dari segi lokasi/tempat tinggal pula, seramai 529(58.5%) orang pelajar tahfiz tinggal di bandar, 131 orang (14.5%) di bandaraya, 184 orang (20.3%) tinggal di luar

bandar dan 61 orang (6.6%) tinggal di pedalaman. Bagi kategori penjaga pula, 810 orang pelajar tahfiz tinggal bersama ibu bapa, sebanyak (89.5%), seramai 67 tinggal bersama ibu sahaja 7.4 (%), seramai 17 orang pelajar tahfiz tinggal bersama bapa sahaja (1.9 %), dan seramai 11 orang pelajar tahfiz tinggal bersama penjaga selain ibu bapa (1.2%). Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tahfiz tinggal di bandar dan bersama ibu dan bapa. Jadual 4.1 menunjukkan maklumat demografi keseluruhan responden kajian.

JADUAL 1 Maklumat Demografi Responden Kajian (N = 905)

Item Demografi	Responden Kajian	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	645	71.3
	Perempuan	260	28.7
Umur	13- 15 tahun	356	39.3
	16-17 tahun	423	46.7
	18-21 tahun	126	13.9
Bangsa	Melayu	881	97.3
	Cina	2	0.22
	India	0	0.0
	Lain-lain	22	2.43
Lokasi/Tempat tinggal	Bandaraya	131	14.5
	Bandar	529	58.5
	Luar Bandar	184	20.3
	Pedalaman	61	6.6
Penjaga	Tinggal bersama ibu bapa	810	89.5
	Tinggal bersama ibu sahaja	67	7.4
	Tinggal bersama bapa sahaja	17	1.9
	Tinggal bersama selain ibu bapa	11	1.2

*Sumber:* Soal Selidik (2018)

### **Penghayatan Agama sebagai pengantara di antara hubungan kecemerlangan hafazan dan sahsiah pelajar tahfiz**


Pemboleh ubah penghayatan agama sebagai pengantara di dalam kajian ini mempunyai enam item, iaitu peka dengan isu semasa, berzikir, mendengar tazkirah, qiyamulail, amalan surah pilihan dan berselawat. Setiap item penghayatan agama melalui analisis faktor pengesahan. Selain itu, item yang mencapai faktor pemberat, AVE dan kebolehppercayaan konstruk serta nilai kesepadanan yang baik semasa analisis

faktor pengesahan diambil sebagai pemboleh ubah bebas. Keenam-enam item ini menentukan skor bagi penghayatan agama. Selain itu anak panah bagi penghayatan agama dihubungkan kepada pemboleh ubah sahshiah.

Analisis penghayatan agama berfungsi sebagai pengaruh tidak langsung (pengantara) antara kecemerlangan hafazan dan pembentukan sahshiah pelajar tahfiz. Dapatan kajian adalah untuk menjawab objektif kajian iaitu penghayatan agama sebagai pengaruh tidak langsung ke atas kecemerlangan hafazan dan pembentukan sahshiah. Berdasarkan dapatan model struktural spesifikasi semula menunjukkan bahawa terdapat pengaruh tidak langsung penghayatan agama sebagai pengantara ke atas kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama.

Peranan pengantara ialah untuk menghubungkan kesan pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pengkaji ingin menguji bahawa kesan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar tidak berlaku tanpa kewujudan pemboleh ubah *mediator* yang menjadi pengantara dalam model. Di dalam menguji peranan sesuatu pemboleh ubah *mediator*, pengkaji perlu menganggarkan dua kesan tidak langsung dan satu kesan langsung. Ketiga-tiga nilai tersebut adalah pekali regresi (Standard Regression Weight) yang dianggarkan melalui prosedur SEM. Hair et al. (2010) menjelaskan bahawa pengkaji boleh menentukan sama ada terdapat peranan pengantara penuh atau pengantara separa melalui beberapa cara.

Jika model anggaran menunjukkan urutan pemboleh ubah bebas→pengantara →pemboleh ubah bersandar menunjukkan kesepadanan yang baik, maka ia akan menyokong peranan pengantara. Tambahan lagi, Hair et al. (2010) mencadangkan nilai pengaruh tidak langsung (pengantara) dapat diperolehi melalui pengiraan pengaruh tidak langsung. Sekiranya nilai pengaruh tidak langsung melebihi nilai 0.08, ini bermaksud terdapat pengaruh pengantara (Hair et al 2010). Berdasarkan model struktural spesifikasi semula dan berpandukan cadangan pengiraan pengaruh tidak langsung oleh Hair et al. (2010). Rajah 1.0 menunjukkan peranan penghayatan agama sebagai pengantara.



RAJAH 1 Model Struktural bagi Penghayatan Agama sebagai Pengantara di antara kecemerlangan Hafazan dan Sahsia

Rajah 1 menunjukkan kedudukan pengaruh tidak langsung penghayatan agama dan kesan langsung kecemerlangan hafazan dalam sesebuah model *mediator*. Bagi membuktikan kewujudan peranan pengantara penghayatan agama dalam hubungan antara pemboleh ubah kecemerlangan hafazan dan sahsiah, pengkaji perlu membuktikan nilai kesan piawai pengaruh tidak langsung penghayatan agama lebih besar dari kecemerlangan hafazan terhadap sahsiah. Jadual 2 menunjukkan keputusan bagi pengaruh tidak langsung penghayatan agama ke atas kecemerlangan hafazan dan sahsiah.

Berdasarkan jadual 2 dapat disimpulkan bahawa hipotesis ini adalah diterima kerana terdapat pengaruh tidak langsung penghayatan agama ke atas kecemerlangan hafazan dan sahsiah. Peranan penghayatan agama sebagai pengantara dapat dikenalpasti apabila terdapat nilai yang rendah kecemerlangan hafazan terhadap sahsiah apabila penghayatan agama berperanan sebagai pengantara nilai semakin meningkat dan ini menunjukkan terdapat peranan pengantara penghayatan agama di

antara kecemerlangan hafazan dan penghayatan agama. Hasil analisis model struktural spesifikasi semula juga mendapati penghayatan agama menunjukkan peranan sebagai pengantara ke sahsiah ( $\beta=0.65$   $p=0.000$ ) berbanding kecemerlangan hafazan ke atas sahsiah ( $\beta=0.15$ ,  $p=0.000$ ). Oleh sebab ujian hipotesis penghayatan agama dan kecemerlangan hafazan terhadap sahsiah adalah signifikan, maka kesan pengaruh langsung penghayatan agama terhadap sahsiah adalah wujud sebagai pengantara separa.

JADUAL 2 Keputusan Pengujian Hipotesis Bagi Pengaruh Tidak Langsung (Pengantara) Penghayatan Agama Ke Atas Kecemerlangan Hafazan dan Sahsiyah

Laluan Pengaruh tidak langsung	$\beta$	S.E	CR	P	Keputusan Peranan pengantara
PA<--- KH	0.56	.047	11.64	***	Signifikan (Diterima)
S<--- KH	0.15	.040	3.77	***	Signifikan (Diterima)
S <--- PA	0.65	.051	12.88	***	Signifikan (Diterima)

Berdasarkan hasil dapatan, menunjukkan bahawa kecemerlangan hafazan al-Quran memberi pengaruh terhadap sahsiah pelajar tahfiz. Namun, dengan wujudnya penghayatan agama yang tinggi dalam diri pelajar tahfiz, sahsiah lebih mudah dibentuk. Pelajar yang menghayati al-Quran dan agama lebih berkelakuan baik terhadap ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan dan masyarakat. Namun begitu, dalam konteks kajian ini, penghayatan agama pelajar tahfiz boleh dibentuk melalui amalan ibadah dan kerohanian. Selain itu, pelajar perlu didedahkan tentang kepentingan sesuatu ibadah tersebut dilakukan. Hal ini sangat penting diberi perhatian untuk memastikan pelajar tahfiz menyedari gelaran “*hamlah al-Quran*” yang diamanahkan dapat dipikul dengan baik. Kajian Salasih Hanin (2018) juga menekankan bahawa pelajar tahfiz perlu diberi pendedahan berkaitan kepentingan sesuatu amalan ibadah dan amalan kerohanian dilakukan.

Kajian Ruzieha (2017) dan Norhidayah (2018) dalam kajian mendapati penghayatan agama bertindak sebagai pengantara dalam kajian mereka. Kajian Ruzieha (2017) mendapati penerapan nilai agama dan penghayatan agama membantu dalam membentuk remaja Islam kurang melakukan salah laku seksual manakala kajian (Norhidayah (2018) pula mendapati penghayatan agama merupakan faktor penting dalam memandu remaja lebih berkelakuan baik terhadap ibu bapa dan rakan sebaya. Hal ini menunjukkan bahawa penerapan dan penghayatan agama perlu dipupuk dalam membentuk sahsiah pelajar.

## **KESIMPULAN**

Pelajar tahfiz yang berkualiti dari sudut hafazan dan sahsiaahnya merupakan antara matlamat utama pendidikan tahfiz dan hasrat kerajaan yang ingin melahirkan lebih ramai pelajar tahfiz sebagai pewaris negara seiring dengan hasrat kerajaan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Maka, bagi meningkatkan kecemerlangan hafazan pelajar tahfiz, faktor minat menghafaz, dorongan dan sokongan dari ahli keluarga, guru-guru dan rakan-rakan terhadap hafazan perlu wujud dan sentiasa dipupuk. Begitu juga, faktor penghayatan agama yang tinggi perlu wujud dalam diri pelajar tahfiz bagi mencapai kecemerlangan sahsiaah seperti yang diharapkan.

Oleh yang demikian, disyorkan kepada maahad tahfiz untuk mempertimbangkan aspek minat menghafaz sebagai salah satu keperluan dan penekanan sebelum memasuki maahad tahfiz bagi meningkatkan kecemerlangan hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz yang masih berada pada tahap sederhana. Malah, peranan minat menghafaz telah memberikan suatu sisi pandang baharu bahawa minat menghafaz perlu dipupuk sebelum dan selepas memasuki maahad tahfiz.

Selain itu disyorkan juga model penghayatan agama sebagai pengantara yang diperoleh dari hasil kajian yang dijalankan dapat diimplementasikan kepada pelajar tahfiz sebagai salah satu usaha melahirkan pelajar tahfiz yang berkualiti.

## **PENGHARGAAN**

Sekalung penghargaan ditujukan khas buat Dana Cabaran Perdana DCP-2017-011/1, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga kepada Prof Dr Khairul Anwar@Johari bin Mastor, selaku ketua projek dan penyelia yang sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, membantu, memantau dan memberikan sumbangan secara langsung dan tidak langsung sepanjang pembikinan kajian ini.

## **RUJUKAN**

Abdul Hafiz Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. *Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu*. Laporan penyelidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Hafiz Bin Abdullah & Norhanan Binti Abdul Rahman. 2010. *Kaedah Hafalan Al-Quran Sistem Turki: Kajian Di Tahfiz Al-Quran Darul Tuba*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Cet. ke-13. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.
- Anisa Saleha. 2015. Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Annasaii Jamar, Fatin Nazmin Mansor & Mohd Aderi Che Noh. 2020. Penghayatan pelajar terhadap nilai Islam dalam kalangan pelajar Malaysian Aviation Training Academy (MATA), Kuantan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 4(1): 48–58.
- Anuar. 2001. Perkembangan dan pembentukan remaja menurut perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, Jld. XIX (2): 79-101.
- Asmawati Suhid. 2007. Pengajaran adab dan akhlak Islam dalam membangunkan modal insan. *Jurnal Pengajian Umum* 8(9): 167–178.
- Atikah Osman & Siti Aishah Yahya. 2018. Hubungan antara penghayatan agama dengan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar sekolah sukan. *Jurnal Maw'izah* 1(1): 154–165.
- Awang Nazarudin Awang Drahman, Maimun Aqsha, A.L. & Mohd. Isa, H. 2017. Amalan kerohanian membentuk disiplin pelajar. *Prosiding Simposium Pendidikan di Peribadikan Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, hlm. 28-36.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali, Ab. Halim Tamuri & Mohd Aderi Che Noh. 2014. Hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dengan pencapaian tahfiz pelajar. *The Online Journal of Islamic Education* 2(2): 73-82.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. 2015. Delinkuen pelajar dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan sahsiah remaja. *Hadhari: An International Journal* 7(2): 11-30.
- Creswell. J.W. 2013. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Nur Shahidah Paad & Mohd Nawawi Abd. Ghapar. 2013. Salah Laku Remaja Dan Asas Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society* 129-140.



- Fariza Md. Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd. Jurairi Sharifudin. 2013. *Personaliti dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM.
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E. & Hyun, H. H. 2012. *How to design and evaluate research in education* (8th ed.). New York: Mc Graw Hill.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2003. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 2. al-Qahirah: Maktabat al-Safa.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. 2010. *Multivariate Data Analysis*. Ed. ke-4. New Jersey: Prentice Hall.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrol Adabi Abdul Kadir. 2020. Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9): 75-89.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohd Ismail Mustari. 2015. Kefahaman ibadat solat fardhu dalam kalangan pelajar muslim: Kajian tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. Tesis Sarjana Falsafah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. 21-34/www.sainshumanika.utm.my/e-ISSN ISSN: 2289-6996. Penerbit UTM Press.
- Ismail, A. & Mansor, S.N. 2021. Teknik komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak menurut Islam. *Bitara: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 131-144.
- Khairun Nizar. 2012. Pola sahsiah remaja dalam kalangan pelajar islam di sekolah menengah Daerah Johor Bahru. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknikal Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia .2021. Kuala Lumpur. Kementerian Kesihatan Malaysia
- Lim Peh Hwah & Ong Saw Lan 2009. Perbandingan Pencapaian Murid dalam ujian Sains berdasarkan versi bahasa Ingeris dan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. Jil. 24, 143–164.
- Marzuki, Mohd Khusyairie, Abdul Rahman, Mohd Muhiden. & Ismail, Affendi. 2019 Pembentukan Sahsiah Pelajar dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan Amalan Solat: Kajian Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan the Development of Muslim Student's Character and Its Relationship with The Practice of Prayer: A Study in A Higher Education. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 20 (1): 49-65.

- Merriam, S. B. 2009. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Mohd Khusyairie, Muhiden, M. & Affendi Ismail. 2018. Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *al-Basirah* 8(2): 11-22.
- Mohd Hefzan Azmi & Muhammad Nubli Abdul Wahab. 2020. Keperluan Modul Latihan pengukuhan kepuliharaan terhadap (Orang Kena Pengawasan - OKP) berbantuan latihan psikospiritual dan biofeedback. *International Journal of Humanities Technology and Civilization* 1(8): 109-121.
- Mohd Nuri Mustafa. 2017. Kajian Kes terhadap fenomena delinkuen dalam kalangan remaja berisiko di sebuah Sekolah Menengah Agama Kelantan, Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan, & Ab. Halim Tamuri. (2009). Amalan Ibadat Harian dan Sumbangannya kepada Kecerdasan Emosi Remaja. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (1): 29-40.
- Myhealth.2021. Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia <http://www.myhealth.gov.my/kemahiran-keibubapaan-anak-remaja/>.
- al-Na'mi, °Abd Allah al-Amin. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*. Terj. Mohd Barzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Nor Kamariah. 2013. Integrasi Pengajian Tahfiz al-Quran dan akademik di Maahad Hafiz Klang. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nordin Ahmad. 2015. Memperkasa Darul Quran ke Arah memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia. Kertas kerja Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara dan Multaqa Huffaz Kali ke-IV. Anjuran Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor, 1-3 Jun.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Mohd Saleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. 2019. Penerapan elemen kerohanian terhadap remaja berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies* 6: 87-98.
- Nor Hidayah Mohamed. 2018. Religiositi sebagai mediator dalam hubungan antara faktor sosial dan pembangunan belia positif dalam kalangan pelajar kolej komuniti di Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.

- Nur Faridah Abdullah. 2016. Amalan solat fardhu murid tahun tiga di sekolah rendah. Tesis Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai. Negeri Sembilan.
- Nur Hanisah. 2021. Kesiediaan remaja berisiko untuk berubah ke arah perlakuan akhlak yang baik di Felda Daerah Bentong. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Shahidah Pa'ad, Yusmini Yusoff & Norrodzoh Siren. 2015. Elemen motivasi intrinsik dalam model pembangunan diri remaja dari perspektif Islam: kajian terhadap Motivasi Alihan Pelajar (MAP) di Kuala Lumpur. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3(2): 43–51.
- Nurul Badriyah Ali. 2017. Metodologi pendakwah dalam program bimbingan remaja wanita bermasalah di Dar As-Saadah, Raudhatus Sakinah dan Rumah Puteri Arafiah. *Jurnal Sains Insani* 2(2): 40-48.
- PITAS. Persatuan Institusi Tahfiz Persendirian Selangor. <https://pitas.com.my/>.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1975. *al-ʿIbadah fi al-Islam*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Qutb, Sayyid. 2000. *Di Bawah Bayangan al-Quran*. Terj. Yusoff Zaky Yacob. Jil. 4. Kota Bharu: Pustaka Aman Press. Sdn. Bhd.
- Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir fi Zilal al-Qur'an*. t.tp. t.pt.
- Ruzieha Abd Halim. 2017. Penghayatan agama Islam sebagai mediator dalam hubungan antara persekitaran sosial dengan salah laku seksual pelajar Islam. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Safura, A. S., Nurauliani, J. R. & Nur Hafizah, M. 2019. Pembentukan sahsiah mahasiswa melalui penghayatan program kerohanian di institusi pengajian tinggi Islam. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law* 20(6): 17-23.
- Saharia. 2015. Pembangunan insan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Journal of Human Capital Development (JHCD)* 8(2): 83–100.
- Salasiah Hanin Hamjah. 2018. *Pendekatan Kaunseling Spiritual menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinar Harian. 2019. Kecoh kes buli di Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah. <https://www.sinarharian.com.my/article/52748/EDISI/Selangor-KL/Kecoh-kes-buli-di-Tahfiz-Darul-Quran-Ittifaqiyah> [18 Oktober 2019].

- Sinar Harian. 2020. Pitas pandang serius kes buli di Tahfiz. <https://www.sinarharian.com.my/article/73643/EDISI/Selangor-KL/Pitaspandang-serius-kes-buli-di-tahfiz> [13 Mac 2020].
- Siti Aisyah Kamaruddin, and Latifah Abdul Majid. 2017. Peranan murabbi terhadap pembangunan dan pembentukan akhlak remaja. *Journal Al-Turath; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah* 2 (2): 31-37.
- Siti Fatimah. 2018. Konsep pendidikan remaja Muslim menurut Abdullah Nashih Ulwan (Studi Kitab: Tarbiyah al-Aulad fi Al-Islam). Tesis Pascasarjana. U Islam Negeri Sumatera Utara Medan.
- Suhaimi Abu Hassan, Mohd Azam Yahya & Ahmad Faqih Ibrahim. 2019. Kesan pelaksanaan solat terhadap akhlak mukallaf menurut al-Quran dan al-Hadith 4(1): 100-115.
- Fathi Yakan. 2002. *Api Kebangkitan Islam dan Cabaran Abad ke-21*. Terj. Ibnu Ghazali. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Zainora, D., Hayati, H., Muhammad Lukman, I., Abdul Rahim, A. & Nurfatimah, M. D. 2016. Penghayatan konsep Hamlah al-Quran dari perspektif adab dan akhlak dalam kalangan huffaz: Satu kajian untuk pengukuhan hafazan. *Prosiding Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa 2016*, hlm. 202-217.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. 2011. Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di sekolah tunas bakti, sungai lereh, melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling* 1: 115-140.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari: An International Journal Special Edition*: 155-172.